

# MAKLUMAN

Kepada  
Pengusaha/Peladang yang dihormati

Merujuk Siaran Akhbar dari Jabatan Perdana Menteri pada 27 Oktober 2021 mengenai Kebenaran Perjalanan Masuk dan Keluar Negara Bagi Warganegara Asing dari Lima Buah Negara Subbenua India dan Republik Indonesia.

Dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa pertimbangan keluar dan masuk Negara Brunei Darussalam bagi perjalanan mustahak (*essential travel*) bagi pekerja asing daripada enam (6) negara yang disebutkan di bawah adalah kini dibolehkan semula, bermula 1hb November 2021:

1. REPUBLIK INDONESIA,
2. SUBBENUA INDIA, IAITU REPUBLIK INDIA,
3. REPUBLIK DEMOKRATIK PERSEKUTUAN NEPAL,
4. REPUBLIK SOSIALIS DEMOKRATIK SRI LANKA,
5. REPUBLIK ISLAM PAKISTAN, dan
6. REPUBLIK RAKYAT BANGLADESH.

Sehubungan ini, pengusaha/peladang yang berhasrat untuk membawa masuk **pekerja-pekerja asing** yang sudah dikeluarkan Pas Kerja atau Lesen Pekerja Asing adalah disarankan untuk terus membuat permohonan bagi Pas Perjalanan Masuk Untuk Warga Asing (*Entry Travel Pass, ETP*) melalui laman sesawang Jabatan Perdana Menteri di alamat <http://www.pmo.gov.bn/travelportal>.

Manakala bagi pemegang Visa Lawatan Perniagaan atau Profesional pula adalah diperlukan untuk membuat permohonan bagi mendapatkan surat sokongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk disertakan sebagai dokumen sokongan permohonan ETP.

Untuk makluman seterusnya, **Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga menerima semula permohonan bagi mendapatkan pekerja asing (Lesen Pekerja Asing) dari negara-negara tersebut mengikut prosedur seperti lazimnya.**


Syarat-syarat bagi pertimbangan keluar masuk yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada penelitian Jawatankuasa Pandu Hal Ehwal Rentas Sempadan dari masa ke semasa.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi atau berjumpa terus ke agensi seperti di bawah:

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan  
Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama,  
Berakas BB3510  
Negara Brunei Darussalam  
No telefon : +673 2388096 / 2388095  
Emel : [upa.jpt@agriculture.gov.bn](mailto:upa.jpt@agriculture.gov.bn)  
Website : [www.agriculture.gov.bn](http://www.agriculture.gov.bn)

Sekian harap maklum.

Tarikh berkuatkuasa: 26 Rabiulakhir 1443 / 02 Disember 2021



Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah  
Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan  
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan